

Jentera pentadbiran Kerajaan sekarang lebih teratur, kemas

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir M o h a m a d menegaskan, jentera pentadbiran Kerajaan sekarang adalah lebih moden dan lebih berkesan dari pentadbiran 15 atau 20 tahun dahulu.

"Ini sebenarnya disebabkan beberapa kemajuan dan perubahan dalam sistem pentadbiran negara yang telah berlaku sejak beberapa tahun lepas,"katanya menjawab soalan Senator Chua Ching Cheng, di Dewan Negara petang ini.

Katanya lagi, "sebagai sebuah organisasi awam yang mempunyai tenaga kerja terbanyak sekali dalam negara ini, saya tidak menafikan bahawa kemerosotan mutu prestasi pegawai-pegawai awam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka tidak berlaku."



DR. MAHATHIR

Tegasnya, tetapi ini tidaklah bermakna bahawa pada keseluruhannya mutu perkhidmatan awam pada masa sekarang adalah lebih rendah daripada masa dahulu.

Untuk mengatasi masalah ini tambahannya, berbagai-bagai kursus latihan dan seminar diadakan oleh Kerajaan dari masa ke semasa bagi memperbaiki dan

meninggikan lagi mutu prestasi pegawai-pegawai awamnya dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan lagi kepada rakyat jelata di negara ini.

Di samping itu, kata beliau, Kerajaan telah juga menubuhkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (UPTM) di Jabatan Perdana Menteri yang ditugaskan bagi membawa perubahan dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan di semua peringkat sesuai dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang sudah berlipat ganda dan lebih kompleks.

Mengenai tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang tidak cekap dan bersalah Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan, lembaga tatatertib di peringkat Kementerian/Jabatan yang ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam, 1972, itu mempunyai kuasa yang cukup untuk menjatuhkan hukuman-hukuman ke atas pegawai-pegawai awam berkenaan.